

8,000 penduduk sembilan buah kampung di Jerantut bakal terjejas

Bimbang Sungai Rengat tercemar

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

JERANTUT - Seramai 8,000 orang penduduk di sembilan buah kampung termasuk sebuah penempatan Orang Asli di Hulu Cheka dekat sini bakal berdepan masalah bekalan air bersih berikutan kerja pembalakan berdekatan Sungai Rengat di kawasan berkenaan.

Antara lokasi yang terjejas meliputi Kampung Koi, Kampung Hulu Cheka, Kampung Perlok, Kampung Damak, Kampung Batu Balai, Kampung Som, Kampung Baharu Cina Damak, Kampung Baharu dan penempatan Orang Asli Kampung Koi.

Penduduk Kampung Koi, Abu Samah Mat Dahan, 58,

berkata, pengusaha berkenaan mencero boh rizab Sungai Rengat berdekatan Kampung Koi dengan membuat jalan balak sejauh lima kilometer dan menimbun tanah di pesisir sungai berkenaan.

“Penduduk bergantung sepenuhnya kepada sumber air bersih dari Sungai Rengat untuk keperluan harian sejak sekian lama.

“Aktiviti pembalakan menyebabkan air sungai keruh dan berkeladak jika hujan lebat selain beberapa kawasan tebing runtuh,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Tambahnya, kawasan tadahan air hutan simpanan kekal itu yang mempunyai tempat perkelahan iaitu Lata Berembun juga akan musnah sekiranya ker-

ja pembalakan diteruskan.

Sementara itu, wakil penduduk Orang Asli Kampung Koi, Mat Pandak, 65, memberitahu, penerokaan tidak dirancang boleh menjejaskan kawasan rayau Orang Asli menjadi sumber mata pencarian seperti rotan, damar dan buluh sejak turun-temurun.

Dia yang berasal dari Suku Jahut amat berharap campur tangan kerajaan demi masa depan generasi akan datang.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Damak, Datuk Lau Lee berasa kesal dengan kejadian itu yang disifatkan cuba mengaut keuntungan tanpa mempedulikan kehidupan penduduk yang menggunakan kemudahan bekalan air bersih.



BEBERAPA orang penduduk meninjau keadaan jalan yang dibina untuk tujuan pembalakan haram di kawasan Hutan Simpan Sungai Rengat, Jerantut semalam.